

16 JUN 2000

M'SIA AKAN SIASAT DAKWAAN PENCEROBOHAN DI SEMPADAN INDONESIA

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan menyiasat dakwaan Indonesia bahawa rakyat Malaysia terlibat menceroboh wilayah negara itu termasuk dengan mengubah tanda sempadan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata Kuala Lumpur perlu menyiasat kesahihan dakwaan itu terlebih dahulu sebelum mengambil apa-apa tindakan.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak tahu siapa yang melakukan perbuatan tersebut tetapi tidak menolak kemungkinan ia dilakukan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

"Kita boleh siasat untuk pastikan siapa yang alih, kita tak tahu. Kita siasat dulu sebelum kita terima dakwaan sesiapa.

"Kita tak tolak kemungkinan ada orang yang tidak bertanggungjawab (tapi) bukan kerajaan," katanya ketika ditanya pemberita selepas melancarkan Pusat Perisian Motorola, di sini.

Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI) Laksamana Widodo Adisutjipto dilaporkan sebagai berkata di Jakarta baru-baru ini bahawa TNI menyifatkan perbuatan menceroboh wilayah Indonesia oleh rakyat Malaysia di sepanjang sempadan Kalimantan sebagai serius.

Menurut dakwaannya kegiatan itu melibatkan perubahan sebahagian tanda sempadan dan kegiatan pembalakan haram di kawasan hutan Indonesia.

-- BERNAMA

RV ES NMO